

unicef 

**WORLD
CHILDREN'S
DAY** 20 November
2018


**PANDUAN
UNTUK
GURU**

#KIDSTAKEOVER SCHOOLS

KEBAIKAN UNTUK SETIAP KANAK-KANAK



MINISTRY OF
EDUCATION
MALAYSIA

THE
KINDNESS
PROJECT

WOMEN: girls

GAMBAR KULIT DEPAN:

Kredit © UNICEF Malaysia/2007/Mohan

#KidsTakeover Schools: Kebaikan Untuk Setiap Kanak-Kanak **Panduan Untuk Guru, September 2018**

© Kementerian Pendidikan Malaysia

© United Nations Children's Fund (UNICEF)

© Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita dan Gadis (WOMEN:girls)

Kebenaran diperlukan untuk mana-mana pihak yang ingin menerbitkan semula buku ini. Kebenaran akan diberikan kepada organisasi atau pertubuhan yang berlandaskan pendidikan. Sila hubungi:

UNICEF Malaysia

Menara PjH, Level 10, No. 2

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2

62100 Putrajaya

Wilayah Persekutuan Putrajaya

kualalumpur@unicef.org

www.unicef.org/malaysia

<https://children4change.unicef.my>

UNICEF telah mengambil pertimbangan dari setiap aspek bagi mengesahkan semua maklumat di dalam penerbitan ini.

eISBN: 978-967-16117-5-3

Rekaan Seni dan Grafik oleh Creative Paramedics



SENARAI KANDUNGAN

• Hormati Satu Sama Lain	02
• Hari Kanak-Kanak Sedunia	04
• Menyemai Budi Bagi Dunia Yang Lebih Baik: Projek <i>Kindness #KidsTakeover Schools</i>	06
• Bagaimana Sekolah Saya Boleh Sertai Projek <i>Kindness</i> ?	10
• Projek <i>Kindness #KidsTakeover Schools</i> : Cadangan aktiviti untuk 19 November	12
• Peraduan Komik <i>Superhero</i> Peringkat Sekolah UNICEF	20
• Manifesto Belia <i>#ENDViolence</i> UNICEF	22
• Kalendar Pengaktifan Global Hari Kanak-Kanak Sedunia	24
• Isu Utama: Buli	25
• Langkah Perlindungan Untuk Kes-Kes Buli	28
• Panduan Pengaktifan <i>#KidsTakeover Schools</i>	32
• Lampiran	34



HORMATI SATU SAMA LAIN

Budi yang Baik, Untuk Setiap Kanak-Kanak

Kita hidup dalam sebuah negara yang majmuk dengan berbilang kaum, pelbagai budaya, bahasa, bangsa dan latar belakang. Kepelbagaian ini menjanjikan kehidupan yang lebih menarik dan menyeronokkan tetapi ini hanya boleh dicapai jika kita dapat hidup dengan harmoni dan menerima satu sama lain.

Ini bermakna setiap insan harus saling hormat-menghormati dan berbuat baik terhadap satu sama lain, barulah dunia kita menjadi satu tempat yang lebih baik untuk didiami, sama ada di rumah, sekolah mahupun di dalam masyarakat kita. Memang tak susah – apa yang perlu kita lakukan hanyalah dengan melayan orang lain seperti mana kita mahu orang lain melayan kita.

Sebab itulah UNICEF bersama-sama rakan kerjasama kami, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pertubuhan WOMEN:girls menjemput semua kanak-kanak, para pelajar, guru-guru dan ibu-bapa di seluruh Malaysia untuk bersama-sama kami pada hari Isnin, 19 November di dalam satu projek besar-besaran untuk menyebarkan kebaikan dan menghormati satu sama lain sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia.

Sama ada kamu seorang pengetua, guru, kaunselor, ibu bapa atau penjaga, kami yakin bahawa kamu mampu menyemaikan benih yang dapat menyemarakkan semangat kanak-kanak untuk membawa perubahan yang baik ke dalam hidup dan masyarakat mereka.



HARI KANAK-KANAK SEDUNIA

Hari istimewa untuk kanak-kanak bertindak mempertahankan kepentingan semua kanak-kanak

Tanggal 20 November merupakan ulangtahun Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak di mana kanak-kanak seluruh dunia menjadikan hari ini sebagai hari untuk bertindak dan memperjuangkan hak-hak mereka bagi kehidupan yang gembira, sihat dan selamat, bebas daripada keganasan, penderaan, pengabaian, diskriminasi, kemiskinan, kebuluran dan kebutuhurufan.

Pada Hari Kanak-Kanak Sedunia – kanak-kanak akan lantang bersuara menegakkan keadilan untuk semua kanak-kanak yang tidak mampu berbuat demikian dan untuk mereka yang tidak mempunyai peluang dan pilihan hidup yang baik. Ini merupakan satu hari yang menyeronokkan namun tekad di dalam menyampaikan mesej yang serius. Pada hari ini kanak-kanak mengambil peranan yang lebih ketara dengan mengambil alih ruangan media, politik, perniagaan, sukan dan juga pentas hiburan bagi menarik perhatian dunia kepada cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh generasi mereka.



Hari Kanak-Kanak Sedunia merupakan panggilan untuk mengambil tindakan bagi kanak-kanak, oleh kanak-kanak – yang menuntut masa depan dan dunia yang lebih baik bagi setiap kanak-kanak. Kalau hari ini disambut dapat disambut dengan bermanfaat, maka setiap hari boleh menjadi Hari Kanak-Kanak Sedunia.



MENYEMAI BUDI BAGI DUNIA YANG LEBIH BAIK

Projek *Kindness #KidsTakeover Schools*

Perkara yang paling penting dalam Hari Kanak-Kanak Sedunia ialah kanak-kanak melakukan sesuatu untuk kepentingan kanak-kanak lain. Dengan itu, pengaktifan *#KidsTakeover Schools* di Malaysia tahun ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar seluruh negara untuk belajar dan mengamalkan hak-hak mereka bersama-sama ibu bapa dan guru mereka, di samping menyemai budi-budi baik dan menghormati satu sama lain serta guru-guru mereka.

Penting bagi semua usaha di bawah *#KidsTakeover* Hari Kanak-Kanak Sedunia menyumbang secara positif kepada pelaksanaan hak kanak-kanak, dan ianya menyeronokkan, dan tidak patut mempunyai impak negatif kepada kanak-kanak dan orang dewasa yang terlibat.

Tema tahun ini iaitu '**Kebaikan Untuk Setiap Kanak-Kanak**' adalah satu langkah untuk menamatkan gejala buli di sekolah dan menjadikan persekitaran untuk belajar, selamat. Kami yakin kita boleh temui kebaikan di dalam hati setiap orang. Atas sebab itulah pada Hari Kanak-Kanak Sedunia tahun ini kami menjemput kanak-kanak dari seluruh negara untuk bersama-sama menubuhkan gerakan kebaikan di dalam mencipta dunia yang lebih baik dan lebih gembira untuk semua. Kita boleh hentikan gejala buli ini bersama-sama. Sekolah anda boleh menerajui jalan dalam membuktikan kepada seluruh Malaysia bahawa kebaikan dan belas kasihan dihargai dan akan diberikan ganjaran, dan sekolah boleh memperlengkapkan pelajar mereka dengan keupayaan emosional dan sosial.

Apakah Projek *Kindness #KidsTakeover Schools*?

Projek *Kindness #KidsTakeover Schools* merupakan satu projek pengaktifan di sekolah untuk kanak-kanak menjadi sebahagian daripada penyelesaian untuk gejala buli di sekolah mereka. Kekuatan usaha dan kerja yang kita lakukan terletak pada penyertaan dan penglibatan anda dan pelajar anda dan juga kanak-kanak yang berusaha untuk memastikan sekolah dan persekitaran mereka selamat, serta masyarakat sekeliling mereka untuk saling mengasihi dan menghormati. Matlamat kami ialah untuk mencapai jutaan kanak-kanak seluruh negara untuk menjadi pencetus gerakan menghentikan gejala buli bagi generasi ini. Dengan menyertai inisiatif istimewa ini, anda dan sekolah anda kini menjadi sebahagian daripada pergerakan yang luar biasa dan mampu membawa perubahan!

Kenapa gejala buli, dan kenapa dengan kebaikan?

Pada tahun 2017, kaji selidik global Hari Kanak-Kanak Sedunia oleh UNICEF menunjukkan bahawa 7 daripada 10 orang kanak-kanak di Malaysia risau mengenai gejala buli. Statistik ini agak tinggi berbanding hanya 3 daripada 10 orang kanak-kanak di Jepun dan juga di England yang risau mengenai perkara yang sama. Undian pendapat *Children4Change* di atas talian juga menunjukkan 81 peratus kanak-kanak di Malaysia berikrar untuk menjadi baik dan menghormati satu sama lain tidak kira bangsa, jantina mahupun keupayaan sebagai satu kaedah dan cara untuk membina masa hadapan yang lebih baik untuk setiap kanak-kanak.



7 daripada 10 orang
kanak-kanak di Malaysia
mengaku bahawa mereka
sangat bimbang dengan
gejala buli.



Apakah aktiviti-aktiviti utama bagi pelajar saya?

Ada pelbagai aktiviti yang menarik dan menyeronokkan untuk sekolah anda mengambil bahagian:

- Pelajar boleh mendaftarkan Sambutan Hari Kanak-Kanak sekolah mereka yang bakal diraikan pada 19 November 2018 untuk disenaraikan di dalam Projek *Kindness #KidsTakeover Schools*. Mereka hanya perlu mencipta satu aktiviti sambutan atau pilih salah satu aktiviti yang dicadangkan di dalam Pek Sekolah untuk Pelajar seperti mengemukakan debat, pertandingan nyanyian ataupun karnival – semua aktiviti yang dilaksanakan atas misi menghentikan gejala buli dengan menggunakan kebaikan. (Rujuk muka surat 12)
- Pelajar di bawah usia 25 tahun boleh mengambil bahagian di dalam di dalam **Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah UNICEF**. Mereka hanya perlu cipta watak komik *superhero* yang sentiasa memastikan dan memperjuangkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak belajar dan mereka akan memenangi peluang bekerja dengan sekumpulan pelukis dan penerbit komik profesional untuk menghasilkan satu buku komik yang lengkap (Maklumat lanjut di muka surat 20)
- Pelajar berusia 8 sehingga 17 tahun juga boleh menyertai gerakan global Manifesto Belia *#ENDViolence* UNICEF dengan menyumbang cadangan dan penyelesaian bagi menghentikan perbuatan buli. Manifesto ini akan dibentangkan kepada menteri-menteri pendidikan di Forum Pendidikan Dunia, 20-23hb Januari 2019. (Maklumat lanjut di muka surat 22)

Berikan inspirasi dan bimbingan kepada pelajar anda dan kanak-kanak lain untuk menjadi orang yang terbaik mereka boleh jadi - termasuk **menjadi orang yang baik!**




Apa saya boleh buat sebagai guru/ibu bapa?

Sama ada anda seorang guru atau ibu bapa, anda boleh memainkan peranan penting di dalam memotivasi, memberi ilham serta membimbing pelajar dan kanak-kanak untuk menjadi orang yang terbaik mereka boleh jadi – dan ini termasuk menjadi orang yang baik! Panduan ini juga mempunyai cadangan-cadangan aktiviti daripada **World's Largest Lesson** yang anda boleh gunakan untuk membimbing pelajar dan anak anda di dalam penglibatan mereka.

Apa yang telah kami masukkan di dalam Panduan ini boleh digunakan sepanjang tahun terutamanya dengan kreativiti anda di dalam melaksanakannya. Seperti mana-mana amalan tradisi di dalam masyarakat anda, yang dibuat berkali-kali akan lebih bermakna. Cuba pelbagai kaedah yang lain daripada yang lain dan gunakan kreativiti anda!

Bagaimana #KidsTakeover School boleh dilaksanakan?

Pelajar dan guru boleh bekerjasama untuk merancang dan membentuk program dan sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia sekolah mereka berlandaskan tema kebaikan. Kanak-kanak atau pelajar boleh memilih salah satu daripada aktiviti yang dicadangkan di dalam Pek Sekolah untuk Pelajar atau cipta program atau sambutan mereka sendiri mengikut apa yang mereka rasa patut dan apa yang mampu dilakukan dengan sumber dan dana yang mereka ada. Aktiviti ini perlu dirancang untuk dilaksanakan pada 19 November 2018 untuk menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia 2018. Kami akan memilih lima sekolah yang akan didokumentasikan untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia!



PROJEK KINDNESS #KIDSTAKEOVER SCHOOLS HARI KANAK-KANAK SEDUNIA JADI SEKOLAH TERPILIH!



Pelajar anda boleh memilih satu daripada empat aktiviti-aktiviti yang disenaraikan di mukasurat 12 - 19 atau mencipta aktiviti mereka sendiri untuk menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia dengan Projek *Kindness*. Aktiviti-aktiviti ini turut disertakan di dalam Pek Sekolah untuk Pelajar.



Pelajar boleh merancang aktiviti tersebut bersama rakan-rakan mereka di sekolah tentang apa yang mereka ingin lakukan bersempena Hari Kanak-Kanak Sedunia kemudian mengisi borang cadangan aktiviti (Appendix 37) dan hantarkan kepada kami di shuen@womensgirls.org sebelum 31 Oktober 2018! Lima kertas cadangan yang mencadangkan aktiviti paling kreatif dan idea original berlandaskan tema kebaikan dalam sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia sekolah mereka akan dipilih sebagai 5 Sekolah Terpilih bagi Projek *Kindness #KidsTakeover Schools!*

Sekolah anda boleh menjadi salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih Projek *Kindness #KidsTakeOver Schools* di mana sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia anda akan didokumentasikan dan dikongsikan ke mata dunia oleh UNICEF Malaysia.



Pelajar, guru-guru mahupun ibu bapa boleh mengikuti @unicefmalaysia di Instagram UNICEF Malaysia atau ikuti hashtag #KidsTakeOver untuk melihat gambar-gambar dan juga 'stories' mengenai persiapan dan sambutan oleh semua sekolah yang menyertai Projek *Kindness* dan Hari Kanak-Kanak Sedunia.



Pada 19 November, semua sekolah yang menyertai projek ini akan menganjurkan sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia mereka dengan projek *Kindness #KidsTakeOver Schools*. Pelajar, guru-guru dan ibu bapa disarankan agar berkongsi gambar-gambar dan video sambutan anda dengan hashtag #WorldChildrensDay #KidsTakeover #MYKindness2018 #ForEveryChild di semua laman media sosial. Lima Sekolah Terpilih akan mendapat hadiah dalam bentuk rakaman profesional dan liputan media sosial oleh UNICEF Malaysia untuk dikongsikan ke seluruh dunia.

HARI KANAK-KANAK SEDUNIA PROJEK KINDNESS #KIDSTAKEOVER SCHOOLS CADANGAN AKTIVITI UNTUK 19 NOVEMBER

Kami telah mengumpulkan peralatan dan sumber-sumber untuk membantu anda menginspirasi dan membimbing pelajar-pelajar anda untuk mencipta sebuah komuniti yang lebih penyayang, saling menghormati dan bersama-sama membanteras buli.



SAYA DATUK BANDAR UNTUK BANDAR TERBAIK DI DUNIA!

Untuk aktiviti ini, pelajar boleh mencipta sebuah bandar mini untuk menjadi sebuah bandar contoh yang *ideal* dan terbaik di dunia.

Apa yang perlu mereka lakukan ialah:

1. Cipta nama yang unik untuk bandar mereka!
2. Lantik seorang Datuk Bandar dan majlis bandaraya.
3. Tubuhkan undang-undang atau peraturan yang dapat memastikan bandar mereka jadi bandar paling baik di dunia ini!
4. Gunakan ruang di persekitaran sekolah dan mencipta komponen asas sesebuah bandar yang selamat untuk pelajar.
5. Hias dan cantikkan bandar mereka dengan pelbagai papan tanda yang menggalakkan pujian dan kata-kata kebaikan.

Mereka perlu melibatkan semua orang di sekolah untuk bekerjasama dengan harmoni dan kesamarataan.

Aktiviti ini akan menggalakkan dan memberi mereka peluang untuk mengalami sendiri proses membina dan merangka sebuah bandar secara tidak langsung mewujudkan minat untuk menjadi seorang Datuk Bandar suatu hari nanti!



PANDUAN GURU UNTUK MEMULAKAN IDEA:

1. Menjalankan kelas untuk memperkenalkan pelajar kepada cara-cara membina sebuah bandar dengan mengenal pasti lokasi, sumber-sumber yang tersedia, cara pengangkutan dan budaya rakyat.
2. Dapatkan mereka untuk membincangkan apa yang boleh menjadikan bandar mereka sebagai bandar terbaik di dunia, menggunakan papan tanda dan kempen.
3. Kenal pasti pekerjaan yang diperlukan oleh orang di bandar dan bagaimana membuat kerja ini menggunakan pendekatan berbudi ketika berurusan dengan orang.
4. Berkongsi dengan mereka amalan terbaik yang boleh anda dapati supaya mereka mempunyai rujukan yang baik untuk mereka mulakan aktiviti.
5. Ikuti perancangan mereka dan benarkan mereka menggunakan sumber-sumber yang mereka mungkin perlukan untuk membina sebuah bandar dalam perkarangan sekolah.
6. Juga pertimbangkan untuk membawa mereka meneroka di sekitar bandar untuk mengenal pasti apa yang boleh diperbaiki dari bandar mereka yang sedia ada untuk penciptaan Bandar Budiman mereka sendiri.





PERSEKITARAN YANG SELAMAT, KITA YANG TENTUKAN!

Dalam aktiviti ini, pelajar boleh membuat peraturan mereka sendiri untuk Piagam Keselamatan Sekolah mereka untuk membantu melindungi kanak-kanak lain juga!

1

Pertama, mereka boleh mempelajari semua hak mereka di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) supaya mereka tahu apa yang mereka boleh sertakan berdasarkan hak mereka untuk persekitaran yang lebih selamat. Ini boleh didapati dalam Pek Sekolah untuk Pelajar di halaman 21.

2


Kedua, mereka perlu mengumpul sekumpulan pelajar di sekolah mereka untuk menghasilkan idea tentang isu keselamatan yang mereka hadapi dan apa yang mereka fikirkan harus diubah untuk melindungi keselamatan kanak-kanak.

3

Tiga, mereka mesti merancang perdebatan di sekolah mereka pada 19 November dan menjemput orang penting dari majlis perbandaran mereka serta ahli PIBG untuk bercakap tentang mewujudkan ruang yang selamat untuk kanak-kanak sehingga tidak ada ruang di sekolah dan komuniti mereka di mana pembuli dapat menggunakan untuk membahayakan orang lain.

4

Empat, selepas perdebatan, mereka harus duduk di bengkel untuk membuat Piagam Keselamatan untuk Kanak-kanak dan membentangkannya kepada khalayak ramai supaya semua orang boleh bersetuju dan menandatangani Piagam yang dicipta oleh mereka!



PANDUAN GURU UNTUK MEMULAKAN IDEA:

1. Bimbing mereka dan tunjukkan kepada mereka contoh-contoh perbahasan parlimen.
2. Tunjukkan mereka templat dan contoh Piagam Keselamatan.
3. Jelaskan hak mereka di dalam CRC supaya mereka memahami hak mereka.
4. Membantu dan menemani mereka untuk melakukan audit keselamatan di kawasan sekolah supaya mereka dapat mengenal pasti kawasan yang berisiko untuk dimasukkan ke dalam Piagam.
5. Ini adalah peluang untuk membangunkan majlis pelajar yang lebih terdedah dan berkemampuan di sekolah anda!



AKTIVITI
3

NYANYIKANLAH SUARA HATIMU, PENYANYI BUDIMAN!

Dalam aktiviti ini, para pelajar boleh menganjurkan pertandingan muzik ala-konsert di mana para peserta “menggodam” lagu-lagu popular dengan meletakkan kata-kata kebaikan dalam lirik.

Mereka boleh menggunakan kreativiti mereka sendiri dan mendapatkan inspirasi daripada American Idol atau Gegar Vaganza. Mereka juga boleh melakukan pergerakan dan melakukan *flash mob*, sama ada tarian *panama*, bahkan tarian *Kindness* mereka sendiri!


Idea ini adalah untuk memulakan aktiviti fizikal yang menyeronokkan yang sangat relevan dengan generasi mereka, dan tentu saja mereka dapat mempamerkan bakat dan kebolehan muzikal mereka.





PANDUAN GURU UNTUK MEMULAKAN IDEA:

1. Lakukan latihan di dalam kelas mengenai kata-kata dan kosa kata yang mereka boleh gunakan dalam "menggodam" lirik lagu.
2. Bimbing mereka dari segi sumber - membolehkan mereka menggunakan makmal komputer untuk penyelidikan sebagai rujukan.
3. Benarkan dan bimbing mereka dalam menjalankan uji bakat untuk mencari penyanyi dalam komuniti.





KEMPEN SEKOLAH SELAMAT – FILEM PENDEK SAYA!




Dalam aktiviti ini, pelajar boleh membuat pertandingan kempen video di mana mereka boleh menyambut 19 November dengan merakam filem pendek mereka sendiri - seperti pesta pengeluaran filem pendek mini.

Pertama, setiap pasukan yang mengambil bahagian di dalam sekolah perlu membuat skrip filem / cerita pendek mereka sendiri mengenai pembuli yang memohon maaf kepada orang yang dia telah dibuli dan ingin menjadi orang yang lebih baik.

Kemudian, pasukan mesti membuat jalan cerita sendiri berdasarkan cerita yang mereka tahu atau berdasarkan pengalaman mereka sendiri.

Selepas itu, mereka perlu membuat watak, menulis skrip dan dialog mereka dan apa yang berlaku dalam filem pendek mereka! Jika sekolah anda dipilih sebagai salah satu daripada Lima Sekolah Terpilih, mungkin pasukan terbaik berpeluang untuk dapat filem pendek mereka dihasilkan dan dikongsikan kepada dunia. Ini akan menjadi satu peluang besar untuk ditambah sebagai kumpulan bakat di sekolah anda.

Pelajar yang memilih aktiviti ini juga perlu membuat plan kempen digital mengenai bagaimana video itu boleh dikongsi dan dipromosikan ke semua platform media sosial.





PANDUAN GURU UNTUK MEMULAKAN IDEA:

1. Bimbing mereka dari segi berkongsi templat cerita pendek, skrip dan filem dan izinkan mereka masa tambahan untuk menggunakan makmal komputer di bawah pengawasan anda.
2. Benarkan mereka mengadakan ujobakat mini untuk mendapatkan pelakon dan krew untuk produksi mereka.
3. Sekiranya anda memerlukan nasihat dari segi teknikal (berkaitan dengan kaedah rakaman video dan penulisan jalan cerita), atau dari segi penciptaan idea untuk aktiviti ini, sila hubungi nora@womengirls.org
4. Adalah lebih baik jika anda kongsi pendapat anda mengenai rujukan apa yang mereka boleh gunakan untuk mencipta sebuah filem pendek.



SCHOOL SUPERHERO COMIC CONTEST



Kami mencari *superhero* untuk melindungi sekolah kami!

Pertandingan komik UNICEF global ini adalah mereka yang berusia 25 tahun ke bawah, yang mempunyai imaginasi *superhero* dan minat dalam lukisan. Kami menjemput kanak-kanak untuk mencipta watak dan pengembaraan *superhero* yang akan memastikan sekolah selamat dan damai, bebas dari buli. Ini juga merupakan peluang bagi mereka untuk mencipta buku komik sebenar yang akan ditunjukkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu! (tahun lepas seorang pelajar Malaysia memenangi pertandingan tahunan ini!)

Tarikh-tarikh Penting:

5 Oktober 2018

Pelancaran Peraduan Komik

21 Oktober 2018

Hari terakhir untuk menghantar penyertaan atas talian

16 hingga 25 November 2018

Undian Digital Global



Disember 2018

Pemenang diumumkan

Julai 2019

Buku komik pemenang akan dilancarkan di Forum Global PBB di mana Matlamat Pendidikan dan Keamanan (4 dan 16) dipertimbangkan



APA YANG PERLU MEREKA LAKUKAN?

1. Mereka perlu memilih sebuah senario buli untuk watak *superhero* mereka selesaikan (pastikan mereka memetakan penyelesaian kebaikan yang boleh dilakukan, supaya mereka dapat membuat jalan cerita mereka)
2. Mereka perlu tampil dengan kuasa sakti yang mereka mahu gunakan untuk menyelesaikan masalah pembuli mereka. Mereka perlu mengembangkan watak mereka sendiri - sebagai contoh, mereka mesti membuat nama *superhero*, asal usul, musuh dan ciri-ciri lain untuk watak tersebut.
3. Mereka boleh mendrafkan jalan cerita pengembaraan bagaimana *superhero* mereka menyelesaikan masalah itu.
4. Mereka boleh menggunakan X-Men, Avengers, BoBoiBoy dan Ejen Ali sebagai rujukan mereka. Pengembaraan mereka mesti mempunyai:
 - **Permulaan:** Jelaskan di mana dan mengapa masalah berlaku
 - **Pertengahan:** Memperkenalkan *superhero* mereka dan menerangkan bagaimana wira mereka dapat menyelesaikan masalah
 - **Penamat:** Gambarkan bagaimana *superhero* mengatasi masalah dan bagaimana dunia sekarang kelihatan
5. Selepas mereka telah menyediakan rawatan dan jalan cerita akhir, mereka boleh melukis dan menghidupkan semua watak-watak mengikut bakat seni mereka tersendiri.
6. Borang Penyertaan dan Borang Kebenaran Ibu Bapa boleh didapati di Lampiran halaman 35-36 bagi mereka untuk menghantar penyertaan mereka.

Untuk maklumat lanjut: <https://www.unicef.org/school-superhero-comic-contest>

MANIFESTO BELIA #ENDVIOLENCE UNICEF

Ini adalah peluang bagi pelajar sekolah anda untuk meletakkan diri mereka di peta dunia dengan menjadi sebahagian daripada gerakan global kanak-kanak dan orang muda yang komited untuk menjadikan sekolah mereka selamat untuk belajar.

UNICEF menjemput pelajar dari seluruh dunia untuk mengemukakan idea untuk menamatkan pembulian di sekolah. Kami mengumpul pendapat pelajar tentang apa yang mereka lakukan dan apa yang mereka perlukan daripada orang lain bagi mewujudkan suasana selamat untuk belajar dalam persekitaran sekolah tanpa pembuli. Semua idea ini akan dimasukkan ke dalam Manifesto Belia #ENDViolence UNICEF yang akan dibentangkan kepada menteri-menteri pendidikan di Forum Pendidikan Dunia pada 20-23 Januari 2019.



APA YANG PERLU MEREKA LAKUKAN?

1. Anda boleh membantu membimbing pelajar anda dalam perbincangan mengenai bagaimana mereka ingin menjadikan sekolah selamat. Berikut adalah soalan-soalan yang anda boleh minta mereka jawab dalam sesi *brainstorming*:
 - Adakah perlu untuk menggubal undang-undang yang tegas bagi menamatkan gejala buli di dalam dan di sekitar sekolah?
 - Jika perlu, bolehkah polisi Anti-buli sekolah ini dilaksanakan untuk mempromosikan kebaikan?
 - Apa perasaan mereka mengenai buli dan adakah mereka rasa buli itu “normal” atau bolehkah mereka mengubah orang di sekeliling mereka?
 - Ingat bahawa kanak-kanak layak bersuara dan mengambil tindakan untuk memastikan diri dan rakan-rakan mereka selamat. Ini termasuk membuat keputusan yang baik atas talian.
2. Bantu mereka memahami dan membincangkan kesemua idea. Berikutan dengan perbincangan itu, idea manakah yang paling relevan bagi mereka? Idea manakah yang anda rasakan mempunyai potensi pengaruh positif bagi kanak-kanak? Dan bagaimanakah idea itu boleh membantu?
3. Mereka mesti belajar tentang cara membuat piagam, poster atau sepanduk yang mengandungi cara penyelesaian dan idea bagi tindakan setelah selesai menjalani perbincangan bersama mereka.
4. Pastikan mereka ambil gambar idea tindakan mereka. Jadikannya menyeronokkan dan kreatif.
5. Muat naik foto ke **Peta Digital World's Largest Lesson**. Pilih “UNICEF” dari menu luncur turun “*I am taking part in the World's Largest Lesson thanks to...*”
6. Ingat, penyerahan mesti dimasukkan ke peta digital WLL pada 30 Oktober 2018

KALENDAR PENGAKTIFAN GLOBAL MENJELANG HARI KANAK-KANAK SEDUNIA

5hb September 2018
(Rabu)

Pelancaran pengaktifan global **World's Largest Lesson 2018** dengan **Pek Aktiviti Pembelajaran Selamat** (Matlamat 4 dan 16) untuk menggerakkan pelajar dan belia untuk bertindak mencapai Matlamat Global untuk menghentikan keganasan **#ENDViolence**.

7hb September 2018
(Jumaat)

Pelancaran Hari Kanak-Kanak Sedunia **#MYkindness2018 #KidsTakeover Schools** di Malaysia! Masa untuk mula merancang pelan sambutan anda! Jangan lupa muat turun pek sekolah untuk pelajar atau dapatkan daripada guru anda.

25hb September 2018
(Selasa)

Kami memanggil semua pelajar untuk memberikan idea dan cadangan penyelesaian bagi Manifesto Belia **#ENDViolence**! Kongsikan gambar-gambar dan video-video anda di **Peta Digital World's Largest Lesson**.

5hb Oktober 2018
(Jumaat)

#ENDViolence - Pelancaran **Peraduan Komik Superhero Peringkat Sekolah** di Persidangan Komik New York City (*Comic Con*)

21hb Oktober 2018
(Ahad)

Tarikh akhir untuk penyertaan Peraduan Komik **Superhero Peringkat Sekolah**. Pastikan kamu dah hantar komik **superhero** kamu, okey!

31hb Oktober 2018
(Rabu)

Tarikh akhir untuk penyertaan kertas cadangan sambutan **#MYkindness2018 #KidsTakeover Schools**! Jangan lupa untuk hantar tau, supaya cadangan sambutan kamu boleh jadi salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia!

5hb November 2018
(Isnin)

Pengumuman 5 Sekolah Terpilih untuk **#MYkindness2018**!

19hb November 2018
(Isnin)

#MYkindness2018 #KidsTakeover Schools berlangsung hari ini!!!

20hb November 2018
(Selasa)

Hari Kanak-Kanak Sedunia - Hari ini Hari KAMU SEMUA!

25hb November 2018
(Ahad)

Tarikh akhir untuk penyertaan Manifesto Belia **#ENDViolence UNICEF**. Cepat! Peluang terakhir untuk kongsikan idea anda dengan kami.

20hb - 23hb Januari 2019

Pembentangan Manifesto Belia **#ENDViolence UNICEF** di Forum Pendidikan Dunia di London.

5hb Februari 2019
(Selasa)

Sambutan **Safer Internet Day - #ENDViolence** Atas Talian - Mari kita penuhkan kehidupan digital kita dengan kebaikan!

BULI

Dunia kita dicemari dengan kekasaran, kekejaman dan keganasan. Kebanyakan ini semua disebabkan oleh tanggapan dan prasangka. Pendapat dan sikap kanak-kanak dipengaruhi oleh apa yang difikirkan, dilakukan dan diperkatakan oleh orang sekeliling mereka. Mereka mempelajari semua ini kerana mereka memerhati dan melihat masyarakat yang membiarkan syak wasangka dan keganasan untuk wujud.

Kanak-kanak kemudiannya akan merasa tindakan mendiskriminasi kanak-kanak lain dengan menyakiti mereka dengan kata-kata dan tindakan berulang kali adalah satu perbuatan yang diterima masyarakat. Sekiranya tiada sesiapa pun yang menangani sikap dan tingkahlaku negatif ini, mereka akan membesar dengan pemikiran bahawa perbuatan ini yang patut dilakukan kerana golongan yang ditindas ini hina dan layak mendapat semua layanan yang mereka diberikan.

Inilah kenapa ia penting untuk menangani isu-isu prasangka dan diskriminasi bila-bila masa dan di mana sahaja ia berlaku, untuk menunjukkan ketidakadilan dan membiarkan kanak-kanak tahu idea dan tindakan sedemikian tidak boleh diterima dalam masyarakat yang demokratik dan adil.



ADAKAH BULI SATU MASALAH?

Data UNICEF mendedahkan bahawa di seluruh dunia, hampir 130 juta pelajar antara umur 13 dan 15 telah dibuli. Sementara itu di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah mencatatkan 14,000 kes buli di sekolah antara tahun 2012 dan 2015.

Menurut Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia:

- 84% kanak-kanak telah dibuli
- 33% kanak-kanak telah dibuli dalam talian
- 45% kanak-kanak mengatakan bahawa mereka telah membuli orang lain di luar talian;
- 15% telah melakukan perbuatan buli siber

APAKAH ITU BULI DAN DI MANA IA BERLAKU?

Buli berlaku apabila seseorang itu terluka sama ada dengan kata-kata atau tindakan dengan sengaja, biasanya lebih dari sekali, merasa teruk disebabkan hal itu dan mengalami kesulitan menghentikan apa yang sedang terjadi kepada mereka. Buli adalah tingkah laku yang berulang dan ia melibatkan ketidakseimbangan kuasa.

Buli boleh berlaku di mana-mana - di sekolah; semasa pergi/pulang dari sekolah; di hentian bas; di taman permainan dan juga atas talian.

MENGAPA KANAK-KANAK MEMBULI?

Sesetengah pembuli memilih untuk membuli kanak-kanak lain untuk merasakan diri mereka lebih penting, membuat mereka lebih popular dan membolehkan mereka mengawal keadaan. Mereka akan memilih sesiapa sahaja yang kelihatan lemah atau berbeza daripada mereka.

Kadang-kala pembuli akan menyeksa orang lain kerana itulah cara mereka dilayan oleh pembuli mereka sendiri. Mereka mungkin fikir tingkah laku mereka adalah normal kerana mereka datang dari keluarga atau situasi di mana orang selalu dimarahi, dipukul atau dipanggil nama-nama yang tidak baik.

Sesetengah rancangan TV yang popular didapati mempromosikan kekasaran - orang dihina, dicerca atau ditertawakan disebabkan oleh penampilan mereka atau kekurangan dari segi bakat.

JENIS-JENIS BULI

- Lisan:** Mengejek, memanggil nama yang tidak baik, mentertawakan serta menghina dan mengugut seseorang.
- Hubungan:** Bergosip, memulakan fitnah atau penipuan mengenai seseorang, memandang rendah dan memulaukan seseorang dari kumpulan
- Fizikal:** Mencubit, mencucuk, menjatuhkan, menolak, menumbuk, menendang, bergaduh, merosakkan hak milik orang lain
- Siber:** Menggunakan telefon, atau internet untuk menghantar teks mesej yang kasar, menyebarkan fitnah dan gosip, membuat status yang tidak baik untuk menjatuhkan, mengejek dan mengugut seseorang.

MEMBULI

**Dengan Sengaja
Berulang kali
(lebih daripada satu kali)
Ketidakseimbangan kuasa**

HUBUNGAN

(Persahabatan)

Tidak termasuk menyebarkan fitnah dan khabar angin

BULI SIBER

(Media Sosial)

Menggunakan ruangan digital untuk mengejek, mengugut, mengganggu

LISAN

(Kata-kata)

Menghina, mengejek, menjerit

FIZIKAL

(Tindakan)

Menolak, memukul, menendang

APA YANG ANDA BOLEH LAKUKAN JIKA KANAK-KANAK MENCERITAKAN TENTANG MASALAH BULI...

Langkah-langkah berikut akan membantu anda untuk memberi maklum balas sekiranya kanak-kanak menceritakan tentang perbuatan buli yang berlaku kepada diri mereka sendiri atau kawan-kawan mereka yang lain.

Sudah pasti kesemua perkara ini tidak mungkin akan berlaku! Panduan yang dicadangkan di sini tidak bertujuan untuk menakutkan mana-mana pihak, tetapi panduan ini dicadangkan untuk memberi persediaan dan membina keyakinan dalam diri anda. Panduan ini juga boleh digunakan kepada sesiapa yang pernah mengalami gejala buli.

Sebelum memulakan aktiviti-aktiviti berikut, fikirkan cara yang terbaik secara mendalam tentang apa yang akan anda lakukan dalam senario yang berbeza. Lebih kerap anda melakukan aktiviti-aktiviti ini, anda akan berasa lebih yakin. Jika anda tidak yakin, anda boleh bertanyakan tentang apa yang anda fikirkan kepada rakan-rakan anda. Apa yang anda bakal lakukan bergantung kepada konteks senario di sekitar anda. Sesetengah negara telah menjelaskan polisi dan prosedur untuk dipatuhi manakala negara-negara lain masih belum melakukannya.

PERSIAPAN YANG BOLEH DILAKUKAN:

- Fahamkan Panduan Pengurusan Menangani BULI Di Sekolah (*Guidelines for Managing Bullying in School*) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pastikan laporan penuh rangka kerja disediakan kepada guru-guru bagi memfailkan laporan untuk gejala buli yang berlaku kepada pihak berkuasa.
- Periksa sama ada sekolah anda mempunyai polisi dan prosedur dalam menangani kes-kes buli.

- Laporkan dan bincangkan kes tersebut dengan Bahagian Hal Ehwal Murid/Pelajar dan kaunselor mengenai perlindungan kanak-kanak atau cara-cara dan tindakan yang pihak sekolah telah tetapkan. Dapatkan nasihat mereka untuk tindakan yang perlu diambil sekiranya kanak-kanak menceritakan tentang kegunaan yang berlaku kepada mereka.
- Berikut adalah senarai talian yang boleh dihubungi oleh anda atau kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan bantuan jika mereka berada di luar kawasan sekolah.

Befrienders

Sekumpulan sukarelawan yang dibantu oleh golongan pakar psikiatri dan pakar psikologi yang sanggup mendengar masalah anda dan menjadi tempat anda bergantung tanpa sebarang sifat suka mengadili.

PUSAT BEFRIENDERS	TALIAN PENTING	WAKTU PERKHIDMATAN	EMEL UNTUK PERTANYAAN
Penang	04-281 1108 / 281 5161	3 petang–12 pagi, Isnin–Khamis 5 petang–11 malam, Sabtu dan Ahad	pat@befpen.org
Ipoh	05-547 7955 / 33	4 petang–12pagi setiap hari 24jam Ahad	–
Kuala Lumpur	03-7956 8145	24 jam setiap hari	sam@befrienders.org.my
Seremban	06-632 1772 / 3	7 petang–10 malam, setiap hari	–
Malacca	06-2842 2500	7 petang–12 malam, setiap hari	–
Muar	06-952 0313	8 petang–11 malam, setiap hari	–
Johor Bahru	07-331 2300	4 petang–12 malam, setiap hari	–
Kota Kinabalu	088-255 788	7 petang–10 malam, setiap hari	befrienderskk@gmail.com 016-803 6945 (WhatsApp sahaja)

- Sekiranya anda belum menerima sebarang latihan mengenai perlindungan dari bahaya, sila rujuk dengan jabatan yang berkenaan atau kaunselor yang menguruskan latihan perlindungan dari bahaya. Ini juga adalah satu peluang untuk mengadakan peringatan bagi semua guru di sekolah anda.
- Jika tiada sebarang rangka kerja spesifik: tanya rakan-rakan sama ada kes-kes buli pernah berlaku, jika ya, tanyakan mengenai punca berlakunya kes buli, apa yang patut dilakukan dalam situasi tersebut; baca secara menyeluruh tentang panduan ini serta fikirkan kesan untuk langkah-langkah yang diambil serta diingatkan bahawa undang-undang yang sewajarnya serta minat kanak-kanak sendiri yang menghadapi risiko untuk dibuli dalam mana-mana situasi.

INGAT!

Gejala buli mungkin tidak pernah berlaku, tetapi lebih baik kita bersedia untuk menangani gejala buli sekiranya ianya berlaku. Perbincangan yang mendalam serta terbuka mengenai cara menamatkan keganasan terhadap kanak-kanak adalah satu langkah yang sangat memberi kesan secara positif untuk memperkasakan kanak-kanak dan orang dewasa untuk mengambil tindakan terhadap gejala buli. Selain itu, perbincangan ini juga dapat memberi kanak-kanak untuk sedar akan hak kanak-kanak untuk mendapatkan perlindungan serta pendidikan serta membantu mereka untuk tidak berdiam diri sekiranya kes buli berlaku di sekitar mereka atau terhadap diri mereka sendiri.

Terima kasih kerana membantu usaha ini menjadi kenyataan!

MENDENGAR CERITA DAN ADUAN KANAK-KANAK MENGENAI BULI:

1. [Jika berkaitan] Bantu kanak-kanak mendapatkan rawatan kecemasan seperti bantuan *first aid* atau nasihat daripada pakar.
2. Benarkan kanak-kanak untuk bercerita dan meluahkan perasaan mereka, dan sila kawal reaksi dan pendapat anda sebagai pendengar di dalam proses ini.

3. Sekiranya terdapat sebarang polisi atau prosedur mengenai keselamatan dan perlindungan di sekolah anda:
- Patuhi semua prosedur.
 - Tuliskan tentang apa yang dikatakan oleh kanak-kanak tersebut serta nama kanak-kanak tersebut secepat mungkin.
 - Laporkan segera kepada pihak sekolah selepas sesi aduan itu tamat. Melaporkan kes buli adalah tugas anda walaupun anda tidak pasti dengan butiran cerita tersebut. Pihak sekolah harus bertanggungjawab untuk menyasiat dan mempertimbangkan perkara tersebut dengan lebih teliti.
 - Walaupun sesetengah kanak-kanak mungkin menyatakan bahawa kes buli mereka mempunyai tahap keganasan yang sangat rendah, tindakan melabelkan sesuatu kes buli itu sebagai serius atau tidak serius pada peringkat ini adalah sangat tidak wajar. Semua kes buli yang berlaku harus dilaporkan ke pihak yang sepatutnya untuk mereka mengambil tindakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan atau sekiranya perlu, menggunakan undang-undang atau polisi prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.
4. Sekiranya tidak ada sebarang polisi, prosedur atau tatacara keselamatan/perindungan di sekolah anda:
- Bercakap dengan kanak-kanak tersebut selepas sesi dan terangkan kepada mereka bahawa anda ingin membantu mereka tetapi anda tidak boleh berjanji untuk merahsiakan perkara ini. Hal ini demikian kerana anda perlu memberitahu orang lain untuk menolong kanak-kanak tersebut melalui saluran yang betul. Kanak-kanak tersebut mungkin tidak akan menceritakan sebarang perkara dengan lebih lanjut selepas mengetahui bahawa anda akan berhubung dengan orang lain untuk menolong kanak-kanak tersebut, sekiranya keadaan ini berlaku anda perlu menghormati keputusan mereka dan tidak memaksa mereka untuk bercerita. Tetapi anda boleh mengesyorkan kanak-kanak tersebut bahawa mereka boleh datang berjumpa dengan anda pada bila-bila masa sekiranya mereka berubah fikiran.
 - Anda boleh memberikan butiran mengenai talian-talian yang dinyatakan di atas.
 - Sekiranya kanak-kanak tersebut ingin menceritakan dengan lebih lanjut, nasihat mengenai cara untuk memberi reaksi, apa yang perlu dan tidak perlu dikatakan boleh dijumpai di *ChildHope Child Protection Policies and Procedures Toolkit: How to Create a Child-Safe Organisation* (http://createsolutions.org/cp_toolkit.htm)
 - Di penghujung sesi, biarkan kanak-kanak tersebut tahu tentang apa yang anda akan lakukan seterusnya dan anda juga akan memberitahu mereka tentang apa yang akan berlaku. Ambil langkah yang sepatutnya berdasarkan perbincangan dengan rakan-rakan, prosedur yang anda sedang jalankan serta pertimbangan yang terbaik bagi kanak-kanak tersebut dan kanak-kanak yang lain yang mungkin akan terkesan sekali. Langkah yang akan diambil boleh atau tidak boleh melibatkan pihak luar seperti pihak polis atau pihak yang sewajarnya. Sekiranya melibatkan pihak luar, ini adalah menjadi tugas mereka untuk menyasiat kes ini, bukan anda.
 - Sekiranya anda memerlukan bantuan, sila rujuk bantuan dari orang lain.



PRINSIP-PRINSIP PANDUAN

#KidsTakeover Schools adalah sangat penting untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia untuk menyumbang secara positif terhadap penegasan hak kanak-kanak, memastikan prinsip-prinsip ini dilaksanakan dengan cara yang menyenangkan, dan tidak mempunyai sebarang kesan negatif kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Inisiatif ini sepatutnya berdasarkan pendekatan terhadap hak kanak-kanak yang selari dengan kehendak positif antarabangsa untuk menggalakkan penyertaan kanak-kanak.

Sebelum mengaktifkan *#KidsTakeover*, sila pertimbangkan sama ada inisiatif-inisiatif ini boleh diadaptasikan dalam konteks persekitaran anda yang konsisten serta selari dengan pendekatan terhadap hak kanak-kanak. Anda mungkin mendapati bahawa inisiatif ini berguna melalui soalan-soalan ini:

1. Adakah inisiatif ini menyumbang kepada kesedaran hak kanak-kanak yang telah ditetapkan oleh CRC dan pertubuhan hak asasi manusia yang lain?
2. Adakah inisiatif ini membantu membina kapasiti pelaksana tugas untuk memenuhi tuntutan mereka?
3. Adakah inisiatif ini membantu membina keupayaan kanak-kanak sebagai seorang yang sah untuk menuntut hak-hak mereka?
4. Adakah inisiatif ini membantu secara positif kepada kanak-kanak serta mengelak sebarang bentuk bahaya dalam konteks hak kanak-kanak untuk hidup, sendiri dan perkembangan diri mereka?
5. Adakah inisiatif ini mendiskriminasi sebarang individu atau mana-mana kumpulan kanak-kanak?
6. Adakah inisiatif ini memupuk minat kanak-kanak?
7. Adakah keluarga dan golongan pihak yang mempunyai kepentingan terlibat sekali?
8. Adakah semua kanak-kanak mampu terlibat dalam cara yang penuh bermakna dan beretika?
9. Adakah inisiatif ini mencukupi, mampu bertahan serta beretika kepada sesiapa yang bertanggungjawab?

Jika anda memutuskan bahawa persekitaran anda belum bersedia untuk melaksanakan inisiatif *#KidsTakeover* disebabkan oleh faktor politik, sosial atau tradisi sesuatu kaum atau agama, anda boleh mula berbincang dengan pertubuhan dan persatuan yang memperjuangkan hak kanak-kanak serta rakan-rakan program mengenai apa perubahan yang diperlukan bagi anda melaksanakan inisiatif ini pada tahun hadapan. Dalam pada masa yang sama, anda boleh melihat aktiviti-aktiviti lain dalam pek pengaktifan ini yang bersesuaian untuk menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia pada tahun 2018.

Jika anda memutuskan bahawa Projek *Kindness #KidsTakeover Schools* Hari Kanak-Kanak Sedunia boleh dilaksanakan di dalam konteks anda dengan pendekatan mementingkan hak kanak-kanak, maka ia perlu dilaksanakan dengan syarat-syarat amalan contoh antarabangsa bagi penglibatan kanak-kanak. Ini bermakna penglibatan kanak-kanak itu harus:

1. Jelas dan Telus
2. Tidak dipaksa/Penglibatan secara sukarela
3. Dihormati
4. Relevan
5. Kaitannya dipermudahkan dengan persekitaran dan kaedah pelaksanaan yang mesra kanak-kanak
6. Menyeluruh
7. Dibantu dengan latihan
8. Selamat dan mempunyai langkah berjaga-jaga
9. Bertanggungjawab



Untuk menjamin suara dan pendapat kanak-kanak didengari di dalam inisiatif *#KidsTakeover* ini, tindakan perlu diambil untuk memastikan mereka mempunyai semua yang berikut:

Ruang: Mereka perlu diberi ruang yang selamat dan terbuka untuk penglibatan semua bagi mereka membentuk dan menyuarakan pendapat mereka. Usaha perlu diambil untuk melibatkan semua kanak-kanak termasuk yang dipinggirkan.

Suara: Kanak-kanak perlu disokong dan dibantu supaya mereka dapat menyuarakan pendapat mereka. Mereka memerlukan peluang, masa dan maklumat yang dapat membantu mereka membentuk pendapat mereka mengenai gejala buli dan bagaimana kebaikan ialah cara terbaik untuk menanganinya.

Penonton: Apabila kanak-kanak menyuarakan pendapat mereka, mereka perlu didengari dan dihormati. Mereka perlu yakin bahawa orang dewasa yang berkaitan bersedia untuk mengambil pendapat mereka dengan serius.

Pengaruh: Orang dewasa harus bertindak dan mengambil berat pandangan kanak-kanak. Ini tidak bermakna semua cadangan mereka perlu dilaksanakan, tetapi ia perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya.



LAMPIRAN

BORANG PENYERTAAN PERADUAN KOMIK *SUPERHERO* PERINGKAT SEKOLAH

Apakah nama kamu? _____

Berapakah umur kamu? Saya berumur _____ tahun. Negara: _____

Jantina: Perempuan Lelaki Saya bukan perempuan atau lelaki

Lain-lain: _____

Ceritakan sedikit mengenai diri kamu!

(seperti apa yang kamu suka buat ketika masa lapang dan kamu belajar di sekolah mana?)

Sila cipta lukisan *superhero* kamu sendiri. Ingat, kami tidak hanya fokus kepada kemahiran artistik kamu. Kami mahu melihat *superhero* yang menarik, unik dan pelbagai!

Nama *Superhero* Kamu: _____

Kuasa Sakti: *Superhero* saya boleh _____

Tulis sinopsis cerita bagaimana *superhero* kamu membalas dan menyelamatkan satu insiden buli menggunakan kebaikan *(dalam 300 patah perkataan)*

Lampirkan komik kamu dengan borang ini bersama-sama dengan borang kebenaran ibubapa. Peraduan ini bermula pada 5hb Oktober 2018

Layari <https://www.unicef.org/school-superhero-comic-contest> untuk menghantar borang penyertaan anda!



BORANG KEBENARAN IBU BAPA UNTUK PERADUAN KOMIK *SUPERHERO* PERINGKAT SEKOLAH

Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah! Borang Kebenaran Ibu Bapa

Daripada 5 Oktober - 21 Oktober 2018, UNICEF menjemput semua kanak-kanak dan belia di seluruh dunia untuk menghantar satu konsep untuk seorang *superhero* yang membantu setiap kanak-kanak belajar dalam persekitaran yang selamat di dalam Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah anjuran UNICEF. Sebuah panel juri daripada UNICEF akan memilih satu koleksi penyertaan terbaik dan daripada pemilihan itu, undian digital akan dibuat daripada 16 - 25 November 2018. Pemenang undian tertinggi akan bekerja dengan satu pasukan professional untuk mencipta komik mereka yang akan dilancarkan di atas talian di Forum Politik Matlamat Global - Peringkat Atasan (pada bulan Julai 2019). Sepanjang tempoh peraduan, UNICEF akan kongsi konsep-konsep *superhero* kegemaran semua di laman media sosial. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peraduan ini dan membaca kesemua Terma dan Syarat, sila layari laman web peraduan: <https://uni.cf/SSCC-en>

Jika anda ada sebarang pertanyaan sila emel: engage@unicef.org

Dengan menandatangani borang ini Saya, _____

memberikan kebenaran bagi anak jagaan saya, _____

untuk menyertai Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah dan saya maklum bahawa lukisan anak jagaan saya akan dikongsi di media sosial.

Ditandatangani oleh: _____ (ibubapa/penjaga) Tarikh: _____

Ditandatangani oleh: _____ (peserta) Tarikh: _____



BORANG CADANGAN PROJEK *KINDNESS*

Nama Sekolah: _____

Negeri: _____

Nama Ketua Projek: _____

Umur dan Kelas: _____

Aktiviti yang dicadangkan pada 19 November 2018 (Isnin):

Apa yang kami mahu anjurkan di sekolah untuk Projek *Kindness #KidsTakeover Schools?* (*Pilih daripada aktiviti-aktiviti yang dicadangkan atau cipta aktiviti anda sendiri!!*)

Bagaimana kami akan jayakan aktiviti ini?

(*pastikan semuanya mengikut stail dan cara kamu, okey!*)

Kenapa kami mahu lakukan aktiviti ini?

(*Sebab kenapa anda pilih untuk mengadakan aktiviti ini*)



Siapa yang akan menghadiri dan menyertai aktiviti ini ?

(Siapa yang anda jemput dan berapa ramai yang akan menghadiri dan menyertai aktiviti ini)

Dari pukul berapa sehingga pukul berapakah aktiviti ini akan dilangsungkan?

(Pukul berapa aktiviti ini bermula dan berakhir)

Mula pada _____ dan habis pada _____

Di manakah aktiviti ini bakal dilaksanakan?

(Tuliskan di mana ia akan dilaksanakan, sama ada di dalam dewan sekolah, atau koridor, semua kawasan yang terbabit)

Imbas dan Hantar borang ini bersama-sama dengan borang kebenaran pengetua melalui emel ke shuen@womengirls.org sebelum 31hb Oktober 2018 dan jangan lupa tajuk emel anda perlu seperti berikut: **PENYERTAAN SEKOLAH UNTUK PROJEK KINDNESS**

Kami harap kertas cadangan anda menjadi salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih!



BORANG KEBENARAN PENGETUA/GURU BESAR SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia, Pertubuhan WOMEN:girls dan UNICEF menjemput sekolah-sekolah dari seluruh Malaysia untuk menyertai Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dengan Projek *Kindness #KidsTakeover Schools* pada hari Isnin, 19 November 2018.

Sekolah yang ingin menyertai inisiatif Hari Kanak-Kanak Sedunia ini diminta untuk menghantar kertas cadangan aktiviti mengenai bagaimana mereka ingin menggunakan dan menyebarkan kebaikan di dalam menghentikan gejala buli. Cadangan aktiviti anda mesti dilampirkan bersama-sama Borang Kebenaran Pengetua/Guru Besar Sekolah.

Lima Sekolah Terpilih akan dipilih oleh satu barisan juri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pertubuhan WOMEN:girls dan UNICEF daripada semua penyertaan yang telah diterima. Satu pasukan video profesional dan media sosial akan dihantar ke Lima Sekolah Terpilih tersebut untuk merakamkan aktiviti yang dilaksanakan supaya dapat dikongsi di semua landasan media sosial UNICEF Malaysia sebagai sebahagian daripada pengaktifan global Hari Kanak-Kanak Sedunia.

Tarikh-Tarikh Penting:

7 September – 31 Oktober 2018: Panggilan untuk Kertas Cadangan Aktiviti

5 November 2018: Pengumuman Lima Sekolah Terpilih

19 November 2018: *#KidsTakeover Schools #MYkindness2018* Hari Kanak-Kanak Sedunia

Untuk maklumat lanjut, sila emel: shuen@womengirls.org

.....
Saya, _____, selaku Pengetua/Guru Besar

_____ (*sekolah*) memberikan

kebenaran bagi pelajar-pelajar saya, di bawah pimpinan ketua projek _____

_____ (*nama pelajar*) untuk menyertai Projek *Kindness #KidsTakeover Schools* bagi Hari Kanak-Kanak Sedunia pada hari Isnin, 19 November 2018. Saya mengesahkan bahawa saya maklum aktiviti akan dikongsi oleh UNICEF Malaysia di semua landasan media sosialnya.

Tandatangan: _____

Nama Pengetua/Guru Besar: _____

Tarikh: _____



Muka surat ini memang dibiarkan kosong.

unicef



WORLD
CHILDREN'S
DAY 20 November
2018

#KIDSTAKEOVER SCHOOLS

#MYKINDNESS2018

